

UMS Sedia Perkhidmatan Ujian Analisis Kualiti Air Bertaraf Antarabangsa

Terakhir dikemaskini: Khamis, 29 Mac 2018 17:17 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 614

Kongsi 19

Syorkan 19

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 29 MAC – Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Makmal Analisis Air UMS di bawah Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) bakal menyediakan perkhidmatan ujian analisis air yang mematuhi piawaian

antarabangsa apabila makmal tersebut berjaya mendapat akreditasi Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 dari Jabatan Standard Malaysia.

Melalui pengiktirafan akreditasi tersebut menjadikan Makmal Analisis Air UMS sebagai sebuah makmal bertauliah dan kini mampu memberikan perkhidmatan ujian analisis kualiti air dalam skop yang diakreditasi kepada penyelidik, orang awam dan industri.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin berkata, pengiktirafan akreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) menjadikan UMS telah mempunyai dua buah makmal yang diakredit oleh Standard Malaysia.

“Selain Makmal Analisis Air UMS yang menjalankan pengujian kimia iaitu fokus kepada pemantauan alam sekitar, makmal pertama yang telah mendapat akreditasi adalah makmal UMS-Haemostasis Laboratory dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan untuk bidang perubatan.

“Diharap warga UMS dapat memanfaatkan peluang ini bagi mengembangkan lagi perkhidmatan pengujian dan kalibrasi dengan mengenal pasti skop-skop dan perkhidmatan yang memberi impak kepada peningkatan pendapatan dan ekonomi khususnya kepada universiti dan masyarakat Sabah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Penyerahan Sijil MS ISO / IEC 17025: 2005 Makmal Analisis Air di Galeri Majlis, UMS pagi tadi.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof berkata, dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut, semua kakitangan yang terlibat harus membangunkan dokumen-dokumen kualiti dan rekod-rekod aktiviti yang memaparkan sistem pengurusan yang mantap dan juga menjalani latihan uji kaji dan ujian dari masa ke semasa agar lebih bersemangat dan kompeten dalam menjalani uji kaji atau analisis sampel.

“Saya berharap semangat bekerja, kegigihan dan juga *teamwork* yang ditunjukkan oleh kakitangan Makmal Analisis Air ini harus dicontohi dan dijadikan sebagai teladan bagi semua kakitangan di UMS,” katanya.

Beliau juga berharap agar lebih banyak makmal di UMS mencontohi usaha ini dan berjaya mencapai tahap akreditasi antarabangsa.

Hadir sama pada majlis itu Pendaftar UMS, No'man Ahmad; Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta; Ketua Unit Penyelidikan Air UMS, Dr. Moh Pak Yan; dan Pengarah Akreditasi Jabatan Standard Malaysia, Shahrul Sadri Alwi.